


APA KERACUNAN METANOL?

Metanol itu sendiri tidak toksik, tetapi dimetabolismekan menjadi asid formik yang sangat toksik. Rawatan tertumpu kepada penekatan enzim (ADH) dengan penawar (etanol), menyembuhkan asidosis metabolik dengan bikarbonat, dan, jika boleh, menggunakan dialisis untuk menyingkirkan metanol dan format, justeru itu membetulkan asidosis metabolik. Asid folinik juga boleh diberikan untuk meningkatkan metabolisme endogen format.



BAGAIMANA DENGAN AKSES KEPADA UBAT-UBATAN?



Perkara yang paling penting tentang rawatan adalah **pemberian penawar pada peringkat awal**. Selain dari alkohol (etanol), penawar satu lagi adalah **Fomepizole**. Fomepizole telah disenaraikan dalam Senarai Ubat-Obatan Penting Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2013. Ia sejenis ubat yang mantap dalam garis panduan antarabangsa, tetapi harga semasa membuatnya tidak terjangkau untuk kebanyakan mangsa yang berada di dalam negara-negara berisiko tinggi di mana ramai yang terjejas. MI sedang berusaha untuk menjadikan Fomepizole tersedia pada titik harga yang boleh mendapat penerimaan luas dan diamalkan sebagai satu penawar utama.



BILA ANDA PERLU MEMINTA BANTUAN:


Keracunan metanol boleh dirawat jika didiagnosis dalam masa 10 hingga 30 jam selepas ditelan.

Jika terdapat pesakit yang amat disyaki menderita keracunan metanol, hubungi hospital tempatan anda untuk meminta nasihat dan untuk membincangkan kemungkinan untuk campur tangan.

Salah satu sebab yang paling penting untuk kemungkinan ini adalah untuk mengenalpasti alkohol haram yang wujud di dalam persekitaran, memulakan rawatan awal, dan supaya dapat memberikan amaran kepada orang awam tentang bahaya yang berkemungkinan secepat mungkin.

Apabila terdapat satu, biasanya ada banyak.

Semua kandungan di sini hanyalah untuk tujuan pemakluman sahaja dan tidak diniatkan untuk menjadi pengganti untuk pandangan profesional bebas, nasihat, diagnosis, atau rawatan.



METHANOL.ORG/BOOTLEGALCOHOL-PREVENTION



TAHU APA DALAM MINUMAN ANDA?



MUNGKINKAH INI KERACUNAN METANOL?



01 SIMPTOM

SEJARAH MEMINUM?



Pernahkah pesakit meminum alkohol haram dan/atau meminum dan disyaki mendapat keracunan metanol?

0-12 JAM

atau lebih jika seiring dengan etanol



RASA PENING DARI KEMABUKAN?
Rasa loya dan kurang sihat.



SAKIT DADA ATAU SIMPTOM GASTROUSUS?
Sakit dada teruk dan simptom gastrousus (GI), sakit perut.

12-24 JAM

atau lebih jika seiring dengan etanol



HIPERVENTILASI?
Melebihi 25 respirasi seminit.



GANGGUAN VISUAL?
Pelbagai gangguan visual, dari kabur penglihatan sehingga buta.

24-48 JAM

atau lebih jika seiring dengan etanol



KOMA?
Tidak sedarkan diri.



02 RAWATAN

Jika Pesakit Asimptomatik:
Perhatikan. (Lihat senarai simptom, bawah kiri)

Hiperventilasi, Tiada Gangguan Visual:
Berikan etanol dan bikarbonat.
Perhatikan minimum 24 jam.

Hiperventilasi, Gangguan Visual, Sedar:
Berikan etanol, bikarbonat, asid folinik (atau folik), pertimbangkan untuk memindahkan ke pusat dialisis.

Hiperventilasi, Koma:
Berikan etanol, bikarbonat, asid folinik (atau folik), pindahkan ke pusat dialisis.

Normoventilasi atau Hipoventilasi (Pernafasan Perlahan), Koma

- Kemungkinan prognosis yang buruk jika keracunan metanol.
- Hati-hati dengan etanol, sekiranya ini adalah keracunan etanol kecuali **yakin bahawa ini adalah keracunan metanol**.
- Berikan bikarbonat, asid folinik (atau folik) dan pertimbangkan untuk memindahkan ke hospital yang dirujuk.



03 DOS



FOMEPIZOLE

- Fomepizole lazim digunakan untuk mengekang metabolisme metanol, tetapi jika ia tidak boleh didapati, pemberian etanol pada dos yang tinggi akan memberi kesan yang sama.



BIKARBONAT (NAHCO₃):

- 500 mmol/L: Berikan 250–500 mL atau lebih dalam masa 1–2 jam sehingga hiperventilasi sembuh (RF <20 /min).
- 167 mmol/L: Berikan 1000–1500 mL atau lebih dalam masa 1–2 jam sehingga hiperventilasi sembuh (RF <20 /min).
- Jika rawatan oral tersedia: Pil 500 mg bikarbonat (= 6 mmol), 6–10 pil setiap jam sehingga hiperventilasi sembuh (RF <20 /min).



ASID FOLINIK (ATAU FOLIK):

- 50 mg iv. atau secara oral (contoh, 10 biji pil 5 mg) setiap 6 jam sepanjang 24–48 jam.



SEKIRANYA INTUBASI DIPERLUKAN:

- Pesakit sudah mengalami hiperventilasi (RF >25/min) (sehingga dipindahkan ke Unit Penjagaan Rapi. Berikan penawar (etanol secara oral atau intravena) tanpa lengah. Sila lihat pengedosan seperti yang berikut.

ETANOL	5% ETANOL (bir)	10% ETANOL (bir)	20% ETANOL (wain keras)	40% ETANOL (spirit)
Dos Permulaan	15 mL/kg	7.5 mL/kg	4 mL/kg	2 mL/kg
Dos minum (jam) (bukan peminum kerap)	2 mL/kg/jam	1 mL/kg/jam	0.5 mL/kg/jam	0.25 mL/kg/jam
Dos minum (jam) (peminum kerap)	4 mL/kg/jam	2 mL/kg/jam	1 mL/kg/jam	0.5 mL/kg/jam

